

## Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pendekatan Konstruktivisme dalam Pengajaran Seni Bahasa

### *(High Order Thinking Skills Through Constructivism Approaches in Language Art Teaching)*

Muhammad Affan bin Ahamad<sup>1\*</sup>, Erda Wati binti Bakar<sup>2</sup>, Jowati binti Juhary<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000, Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: [ckgaffan@gmail.com](mailto:ckgaffan@gmail.com)

<sup>2</sup>Pusat Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000, Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: [erdawati@upnm.edu.my](mailto:erdawati@upnm.edu.my)

<sup>3</sup>Pusat Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000, Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: [jowati@upnm.edu.my](mailto:jowati@upnm.edu.my)

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Muhammad Affan bin Ahamad  
([ckgaffan@gmail.com](mailto:ckgaffan@gmail.com))

#### KATA KUNCI:

Seni bahasa  
Konstruktivisme  
Pengajaran  
Kompetensi  
Kemahiran berfikir aras

#### KEYWORDS:

Language art  
Constructivism  
Teaching  
Competency  
High order thinking skills

#### CITATION:

Muhammad Affan Ahamad, Erda Wati Bakar, & Jowati Juhary. (2022). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pendekatan Konstruktivisme dalam Pengajaran Seni Bahasa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), e001597. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1597>

#### ABSTRAK

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan salah satu elemen dalam pendekatan konstruktivisme. Pendekatan ini memerlukan murid untuk mencipta pengetahuan baharu berdasarkan pengetahuan sedia ada yang dimiliki. Maka dengan itu, kajian ini ingin mengenal pasti ciri-ciri pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran aspek seni bahasa dan menjelaskan kompetensi guru bagi pelaksanaan KBAT melalui pendekatan konstruktivisme dalam aspek seni bahasa. Artikel ini merupakan kertas konsep yang diterjemahkan berdasarkan sorotan kajian, analisis dokumen daripada artikel penyelidikan yang dilakukan oleh kajian-kajian lepas. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengimplementasian KBAT dalam aspek seni bahasa adalah melibatkan daripada gabungan melalui teori kompetensi [McBer \(1996\)](#) dengan teori pendekatan konstruktivisme [Vygotsky \(1978\)](#). Hasilnya, kertas konseptual ini memberi panduan kepada para guru untuk mempraktikkan amalan KBAT dalam aspek seni bahasa di sekolah rendah. Berdasarkan daripada gambar rajah konseptual yang telah dibentuk, dapatlah disimpulkan bahawa perkaitan kompetensi guru dengan pendekatan konstruktivisme bagi penerapan KBAT dalam seni bahasa mempunyai impak yang positif dalam pengajaran guru.

#### ABSTRACT

High Order Thinking Skills (HOTS) is one of the elements in the constructivism approach. This approach requires pupils to create new knowledge based on existing knowledge. Therefore this study is to establish features of the

constructivism approach in teaching the language art aspects and to explain the teacher's competence in implementing of HOTS through the approach of constructivism in the aspect of art of language. This article is a concept translated based on literature review, analysis of documents from research articles that was conducted from previous studies. The findings of this study shows that the implementation of HOTS in the aspect of art of language involves a combination through theory of competence by [McBer \(1996\)](#) with theory of constructivism approach by [Vygotsky \(1978\)](#). As a results, this conceptual paper anticipate guidance for teachers to practice HOTS in the aspect of art of language in primary school. based on the conceptual diagrams that have been formed, it can be concluded that there is positive impact for the relevance of the teachers's competence with the conciliatory approach to application of HOTS in art of language.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menghasilkan kerangka konsep yang dapat membantu para penyelidik mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) seni bahasa bagi subjek Bahasa Melayu di sekolah rendah. Perkara ini mendorong kepada pemikiran yang kreatif dan kritis dengan berpandukan pendekatan konstruktivisme dalam kalangan murid.

## 1. Pengenalan

Pembelajaran konstruktivisme merupakan pendekatan yang sesuai dipraktikkan pada masa kini seiring perubahan ke arah transformasi pendidikan yang bereteraskan pembelajaran abad ke-21. Kemenjadian murid adalah merupakan salah satu perkara yang ingin dilihat dalam pelaksanaan Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Sewajarnya, kualiti guru perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Oleh demikian, pembelajaran konstruktivisme memerlukan pengetahuan sedia ada yang diperlukan oleh murid bagi membentuk pengetahuan baharu agar pembelajaran yang bermakna dapat diwujudkan melalui daya cipta yang tinggi. Oleh itu, pendekatan konstruktivisme ini adalah lebih menggalakkan murid untuk berfikir, lebih memahami, mengingat, berpusatkan murid, menekankan unsur sosial, lebih yakin dan mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan ([Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001a](#)).

Sehubungan itu, pendekatan konstruktivisme telah membantu para murid untuk minat belajar. Menurut [Khairudin et al. \(2014\)](#) telah menjelaskan bahawa pendekatan konstruktivisme tersebut telah menjadikan murid lebih faham, yakin dan seronok untuk belajar sepanjang hayat mereka. Hal ini kerana pendekatan konstruktivisme murid dapat melibatkan dirinya dengan situasi dunia yang sebenar, menggalakkan murid berdialog sesama rakan dan guru serta membentuk autonomi guru berdasarkan bimbingan daripada gurunya. Perkara ini melibatkan keupayaan kognitif murid melalui pembelajaran secara terarah sendiri melalui pendekatan konstruktivisme yang mampu meningkatkan minat dan keseronokan belajar. Kenyataan ini disokong oleh [Adenan dan Nazri \(2018\)](#) dalam kajiannya mengenai pembelajaran yang menarik memberi kesan terhadap persekitaran yang positif dalam kalangan murid bagi mempelajari penulisan fakta Bahasa Melayu dapat diwujudkan melalui pendekatan konstruktivisme. Oleh itu amalan KBAT dapat dibentuk melalui kebolehan guru mengaplikasikan ilmu

pengetahuan melalui pendekatan konstruktivisme supaya seseorang itu berupaya mengubah suai terhadap persekitaran dirinya (Sofiana, 2020).

Akhir sekali, persekitaran pembelajaran yang berteraskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) perlu dititikberatkan oleh warga pendidik supaya dapat menggalakkan murid untuk menerokai ilmu pengetahuan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan hidup. Perkara ini selari dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dalam [Unit Perancang Ekonomi \(n.d.\)](#) menyatakan bahawa teras yang keempat iaitu membangunkan bakat digital yang tangkas dan kompeten melalui Program “*My Digital Teacher*” yang bermatlamatkan agar guru dapat meningkatkan lebih tinggi kadar penggunaan teknologi digital dalam PdPc agar melahirkan modal insan yang bermindakan kelas pertama dalam segenap aspek seiring Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Tambahan lagi, elemen konstruktivisme yang menjadi pendekatan KBAT juga tidak terlepas daripada cabaran pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) pada era pandemik COVID-19 yang telah melanda di seluruh dunia termasuklah negara Malaysia.

Oleh demikian, kemahiran guru dalam TMK perlu dipertingkatkan pada masa kini kerana melibatkan pembelajaran secara dalam talian (*online learning*). Pasti penggunaan kepelbagaian sumber bahan pembelajaran murid perlu diperkasa oleh para guru agar para murid mudah mengakses, mempelajari dan memahami pelajaran yang disampaikan oleh guru. Tanpa adanya kompetensi kemahiran guru yang tinggi dalam penggunaan TMK pada masa kini, penguasaan KBAT dalam kalangan murid turut terkesan. Oleh itu kemahiran guru pada masa kini perlu dilihat dari aspek perancangan guru dalam melaksanakan KBAT, strategi pengurusan PdPc, kemahiran menggunakan TMK dan kemahiran mengurus bilik darjah (Norfariza & Nur Fadhillah, 2018).

### 1.1. Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti ciri-ciri pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran aspek seni bahasa.
- ii. Menjelaskan perkaitan kompetensi guru bagi pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui pendekatan konstruktivisme dalam aspek seni bahasa.
- iii. Menghuraikan keperluan literasi Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) bagi pengajaran seni bahasa semasa era pandemik COVID-19 dalam kalangan guru Bahasa Melayu.

### 1.2. Isu Kajian

Aspek seni bahasa sudah menjadi sebahagian daripada pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bagi guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu di sekolah rendah. Hal ini bermakna bahawa pengajaran Bahasa Melayu bukan sahaja menitikberatkan pengajaran kemahiran berbahasa iaitu mendengar bertutur, membaca dan menulis tetapi aspek seni bahasa serta tatabahasa turut diterapkan dalam Standard Pembelajaran (S.P) seperti yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Petaksiran (DSKP). Berdasarkan dapatan kajian lepas oleh [Hasnah dan Jamaludin \(2017\)](#) menyatakan bahawa amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) hanya diterapkan dalam kemahiran bahasa sahaja iaitu kemahiran mendengar bertutur (min 3.86), kemahiran membaca (3.83) dan kemahiran menulis (min 3.75). Sekiranya pelaksanaan KBAT tidak dilaksanakan secara menyeluruh seperti yang telah digariskan dalam DSKP

iaitu merangkumi semua kemahiran dan aspek bahasa, ia akan merugikan usaha pembangunan kurikulum yang menekankan pengembangan murid dalam segenap aspek tidak dapat dijayakan selari Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21).

Pernyataan tersebut disokong melalui kajian yang dijalankan oleh [Zulkifli et al. \(2020\)](#) iaitu didapati kandungan buku teks Bahasa Melayu tahun 6 tidak menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) secara seimbang iaitu penerapan KBAT lebih banyak diterapkan dalam kemahiran menulis berbanding kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran mendengar bertutur serta kemahiran membaca. Jelaslah bahawa penerapan KBAT dalam seni bahasa turut terkesan iaitu diterapkannya sedikit sahaja. Perkara ini perlu diberi perhatian kepada pihak yang berkenaan dalam penggubalan dan penerbitan buku teks Bahasa Melayu supaya dapat menambah baik aras KBAT dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 6 secara seimbang dalam setiap kemahiran dan aspek seni bahasa.

Selain itu, aspek kemahiran guru juga merupakan kompetensi dalam penerapan KBAT seni bahasa. Menurut [Mohamad Nurul et al. \(2017\)](#) menyatakan bahawa kekangan penerapan KBAT dalam PdPc adalah berpunca daripada kesukaran guru membina soalan aras tinggi. Kenyataan tersebut disokong oleh [Zaharah et al. \(2019\)](#) iaitu penggunaan Bahan Bantu Belajar (BBB) seperti buku teks yang menerapkan Kemahiran Berfikir Kritis Kreatif (KBKK) yang sederhana menyebabkan guru juga kurang mahir dalam KBAT dan pengetahuan tentang KBKK serta guru perlu diberikan latihan pengajaran berasaskan kemahiran berfikir kritis agar mereka mahir mengendalikan kelas. Oleh itu, tanpa pengetahuan yang meluas dan kemahiran guru yang cekap dalam pelaksanaan KBAT bagi pengajaran seni bahasa, ia akan menyukarkan kemenjadian murid yang berfikir secara kritis dan kreatif seiring ke arah pembentukan Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Jelaslah bahawa, kemahiran guru perlu ditingkatkan untuk menerapkan KBAT dalam PdPc agar murid dapat menyelesaikan masalah sewaktu PdPc dilaksanakan di dalam kelas.

Akhir sekali, cabaran pada masa kini yang sering menjadi permasalahan kepada guru-guru semenjak pandemik COVID-19 yang telah melanda di negara kita telah memberi kesan terhadap amalan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) secara dalam talian mahupun luar talian. Ditambah lagi dengan fasiliti peranti dan jaringan Internet yang lemah telah mewujudkan jurang pendidikan yang ketara antara murid yang tinggal di luar bandar dengan murid yang tinggal di bandar. Kenyataan ini disokong oleh [Tamilmullai dan Salina \(2021\)](#) menyatakan bahawa tidak semua murid di luar bandar dapat mengikuti kelas Bahasa Tamil secara dalam talian iaitu hanya 19 daripada 27 orang murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Perkara ini menjejaskan pembelajaran murid bagi mendapatkan bimbingan, sokongan dan bahan pembelajaran daripada guru dan rakan-rakan kerana mereka tidak dapat mengikuti pembelajaran secara bersemuka. Kekangan ini menyebabkan guru perlu menguasai aspek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) bagi melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara kreatif agar dapat menarik minat murid untuk belajar. [Nor Amalina dan Zanaton \(2018\)](#) menyatakan sikap dan kemahiran guru itu sendiri perlu diperbaiki dan mengubah pendekatan seiring perkembangan teknologi dan keperluan kerjaya semasa. Kenyataan ini disokong oleh [Norehan dan Mahaliza \(2021\)](#) yang menyatakan bahawa perkara utama yang perlu diberi perhatian buat para guru ialah kemahiran dan pengetahuan guru dalam TMK kerana guru perlu meletakkan dirinya selari dengan perubahan pada masa kini.

## 2. Sorotan Literatur

### 2.1. Pengajaran Seni Bahasa: Aspek Seni Bahasa dalam Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah


Aspek seni bahasa telah diterapkan dalam kurikulum Bahasa Melayu di sekolah rendah pada tahun 2011 iaitu terkandung Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) selaras dengan transformasi pendidikan yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2015) ([Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013](#)). Elemen pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Melayu dalam KSSR meliputi aspek seni bahasa perlu diberi perhatian oleh para guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu kerana dapat mewujudkan pelibatan murid secara aktif dalam PdPc. Perkara ini disokong oleh [Othman dan Jamian \(2013\)](#) menyatakan bahawa aspek seni Bahasa yang telah diperkenalkan oleh pihak KPM adalah untuk melakukan perubahan dalam pedagogi guru dalam bilik darjah melalui pendekatan didik hibur agar menjadikan proses PdPc yang lebih interaktif dan berpusatkan murid.

Ia seiring dalam PPPM 2013-2025 untuk mengukuhkan penguasaan 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul. Berdasarkan aspek seni bahasa yang tercatat dalam Standard Kandungan (S.K) dan Standard Pembelajaran (S.P) dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tahun 1 hingga 6 di sekolah rendah, ia meliputi aspek nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tahun 5 KSSR Semakan 2017, aspek seni bahasa merupakan perkara yang melibatkan penguasaan keindahan, kehalusan dan kebahasaan yang perlu difahami, diungkapkan dan dihayati oleh para murid. Secara tidak langsung, kemahiran Bahasa dalam kalangan murid dapat diperkukuh melalui keindahan bahasa yang diterapkan dalam seni bahasa seperti penggunaan simile, peribahasa, dan personifikasi dalam puisi dan penulisan kreatif ([Mohd Rashid & Mahzir, 2014](#)). Oleh yang demikian, para murid perlu melibatkan diri secara aktif, kreatif dan kritis semasa PdPc yang dijalankan oleh guru yang menekankan aspek seni bahasa sama ada secara lisan mahupun tulisan dengan teknik yang menarik.

### 2.2. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT): Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Seni Bahasa

Sebelum Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menjadi agenda pendidikan negara pada masa kini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah pun menerapkan Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK) di sekolah pada tahun 1994. Kemudian, pada tahun 2010, KBKK telah diperluas pelaksanaannya melalui elemen merentasi kurikulum (EMK) dan inovasi. Kemudian, KBKK ditransformasikan menjadi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) ([Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013](#)). KBAT merupakan cara seseorang berfikir untuk menyelesaikan sesuatu masalah berdasarkan situasi sebenar bagi membuat keputusan yang rasional serta melakukan perkaitan ilmu yang merentasi kurikulum. [Kementerian Pendidikan Malaysia \(2013\)](#) telah menggariskan kemahiran berfikir dalam kemahiran abad ke-21 terdiri daripada aspek kreativiti, kritis, menaakul, berinovasi, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. [Rajah 1](#) di bawah ini menunjukkan Model Kemahiran Berfikir berdasarkan daripada sumber [Bahagian Pembangunan Kurikulum \(2014\)](#).

Rajah 1: Model Kemahiran Berfikir



Sumber: [Bahagian Pembangunan Kurikulum \(2014\)](#)

Oleh itu, dalam pengajaran seni bahasa di sekolah, para guru perlu menyesuaikan KBAT tersebut dengan sebaiknya agar memberi peluang kepada murid untuk menyelesaikan masalah yang dikemukakan oleh guru. Menurut [Rajendran \(2000\)](#) menyatakan bahawa pemilihan strategi dan aktiviti yang sesuai untuk mendorong pengajaran dalam kelas ke aras yang tinggi adalah memerlukan kepekaan seseorang guru mengajar komponen sastera. Pengajaran seni bahasa dalam pelbagai aspek genre sastera bukan sekadar berada di aras rendah sahaja malahan penguasaan aras tinggi dalam kalangan murid juga dapat membawa perbincangan ilmu di dalam kelas. Jika guru memilih strategi dan aktiviti yang sesuai maka hampir semua aktiviti yang dilaksanakan di dalam bilik darjah boleh dibawa ke aras yang tinggi. Menurut [Rajendran \(2000\)](#) dalam [Jadual 1](#) telah menggariskan beberapa aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh guru bagi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam sastera yang selari mengikut konteks seni bahasa berdasarkan aras kognitif yang berbeza.

Jadual 1: Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran KBAT dalam Sastera

Taksonomi Bloom	Kemahiran Berfikir	Aktiviti Pengajaran Pembelajaran
Pengetahuan	Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR)	Menamakan watak-watak dalam cerita
		Menyatakan sinopsis karya sastera (novel/ cerpen)
Pemahaman	Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR)	Mengemukakan maksud diksi
		Menyatakan persoalan yang terkandung dalam puisi (sajak)
Aplikasi	Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR)	Perbandingan metafora, personafikasi, dan simile
		Membuat inferens sesuatu tindakan dan keputusan
Analisis	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	Melakukan penilaian tentang niai yang disampaikan

Penilaian	(KBAT)	Mengaitkan tindakan dan keputusan yang terdapat dalam kehidupan seharian
Sintesis		Membuat generalisasi tentang tindakan Mencadangkan penyelesaian terhadap sesuatu masalah atau isu yang dihadapi

Sumber: [Rajendran \(2000\)](#)

### 2.3. Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Guru Bahasa Melayu

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) sudah menjadi keutamaan oleh semua guru bagi melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Menurut [Horton \(2004\)](#), literasi komputer merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran yang teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang melibatkan perkakasan, telekomunikasi, jaringan Internet, dan sistem komponen komputer. Di samping itu, literasi maklumat pula merujuk kecekapan seseorang yang celik mengakses maklumat secara berkesan, kritis dan cekap menilai maklumat, serta tepat dan kreatif menggunakan maklumat ([Byerly, Greg, Brodie & Carolyn, 1999](#)). Antara penggunaan TMK dalam PdPc adalah sebagai tutorial, penerokaan, aplikasi, komunikasi dan demonstrasi ([Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001b](#)). Perkara ini jelas dilihat keutamaannya digunakan pada masa kini kerana negara dilanda wabak COVID-19 yang memerlukan pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPR). Guru Bahasa Melayu perlu menguasai literasi TMK dengan sebaiknya dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Guru perlu memiliki sikap yang positif terhadap penggunaan TMK bagi melaksanakan PdPc.

Menurut [Chung dan Jamaludin \(2010\)](#) keyakinan penggunaan TMK dan tabiat kegemaran guru menggunakan TMK sebagai bahan bantu belajar dalam kalangan guru Bahasa Melayu masih berada di tahap yang sederhana bagi menjalankan PdPc. Namun begitu, pada masa kini, pengajaran guru Bahasa Melayu sudah berubah ke arah pendigitalan penyampaian ilmu iaitu para guru mesti menjalankan pengajaran secara dalam talian melalui strategi berpusatkan aktiviti. Menurut dapatan kajian [Intan dan Zamri \(2021\)](#) menyatakan bahawa aktiviti bacaan secara dalam talian dapat menggalakkan pelibatan aktif dalam kalangan murid manakala penyediaan rakaman video dan modul dapat memudahkan murid mengikuti pembelajaran secara di luar talian atas faktor kekurangan prasarana TMK di rumah bagi mereka yang kurang berkemampuan. Oleh itu, guru perlulah menjadikan TMK sebagai Bahan Bantu Belajar (BBB) yang utama.

Selain itu, kepelbagaian sumber maklumat yang diakses oleh guru untuk berkongsi ilmu pengetahuan kepada murid yang berjauhan dengan gurunya telah memberi peluang kepada guru untuk meningkatkan profesionalisme keguruan melalui perubahan TMK dari semasa ke semasa. Menurut [Rahamat \(2013\)](#) menyatakan bahawa penggunaan laman sesawang pembelajaran KOMSAS Bahasa Inggeris sebagai Bahan Bantu Belajar (BBB) dapat membantu para murid memahami pengajaran dan menarik minat murid untuk belajar. Kesannya, murid akan berasa lebih seronok melalui penerapan grafik, teks, animasi dan bunyi melalui pengintegrasian TMK dalam pendidikan ([Noor Aini, 2014](#); [Thulasimani, 2014](#)). [Jadual 2](#) menunjukkan mengenai kelebihan multimedia sebagai pemudah cara dalam PdPc.

Jadual 2: Kelebihan multimedia sebagai pemudah cara dalam PdPc

Bil.	Maklumat	Huraian
1.	Pembelajaran berbantuan komputer	Pelajar didedahkan dengan kandungan PdPc Penstoran maklumat secara logik dan ingatan. Pengeluaran maklumat dan kemahiran secara berkesan.
2.	Sumber maklumat/ Pangkalan data	Sumber maklumat sebagai sokongan model. Menyokong maklumat dengan menghubungkan perkaitan satu maklumat dengan maklumat yang lain. Mewujudkan persekitaran yang diperkaya dengan maklumat.
3.	Alat Bantu Mengajar (ABM)	Aktiviti pembelajaran diperkaya. Guru diberi peluang untuk mengubah/ mempelbagaikan kaedah pengajaran. Mewujudkan interaksi video dan animasi yang bersesuaian supaya aktiviti PdPc lebih menarik.
4.	Bahan kursus aktiviti Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	Aktiviti PdPc dipelbagaikan di sekolah. Kemahiran mendengar, membaca, dan interaksi TMK dipertingkatkan dan menghiburkan murid

Sumber: [Neo dan Neo \(2004\)](#)

Oleh itu, para guru Bahasa Melayu perlulah menguasai literasi TMK agar dapat mewujudkan PdPc yang berkesan seperti yang digariskan oleh [Ali dan Katz \(2010\)](#). Oleh itu, [Jadual 3](#) menunjukkan literasi teknologi maklumat komunikasi yang boleh diaplikasikan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Melayu.

Jadual 3: Literasi Teknologi Maklumat Komunikasi

Literasi TMK	Penjelasan	Aplikasi dalam PdPc Bahasa Melayu
<i>Define</i> (Kenal pasti)	Memahami dan menyatakan skop masalah bagi pencarian maklumat secara elektronik. Pertanyaan soalan dengan pakar rujuk agar tugas yang dilaksanakan lebih jelas. Menjalankan pencarian maklumat dengan lebih awal untuk memudahkan rangka penyelidikan.	Guru mengenal pasti tugas yang boleh dilaksanakan dan dicari oleh murid melalui penggunaan media elektronik seperti Google, Microsoft Bing dan Internet Explorer. Murid digalakkan untuk mendapatkan bimbingan daripada guru semasa pencarian maklumat.
<i>Access</i> (Akses)	Mengumpul atau mendapatkan maklumat dalam persekitaran digital seperti laman sesawang, pangkalan data, kolaborasi, e-mel Menjana dan menggabungkan kata kunci bagi pencarian sesuatu tugas. Cekap melayari maklumat yang dikehendaki daripada pelbagai sumber. Menetapkan sumber yang mungkin paling berguna bagi sesuatu keperluan.	Guru mengumpul maklumat yang bersesuaian agar memudahkan murid melakukan pencarian makna dalam laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), pencarian video pantun, sajak, syair, nyanyian dan lakonan daripada YouTube mahupun DeLIMA.
<i>Evaluate</i> (Menilai)	Menilai maklumat yang diperolehi itu bersesuaian atau tidak iaitu tidak berat sebelah, ketepatan masa.	Guru membuat perbandingan sumber bahan yang memudahkan murid untuk



<i>Manage</i> (Urus)	Menilai laman sesawang yang bersesuaian dan berkaitan. Menilai sama ada pangkalan data mengandungi maklumat semasa dan bersesuaian. Membuat keputusan kecukupan sumber yang digunakan dalam skop tugas. Menyusun maklumat untuk membantu orang lain mencarinya pada selepas itu. Mengkategorikan, menyusun dan menyisih fail untuk menjelaskan maklumat yang berkaitan.	mengakses dan menggunakannya sesuai dengan peringkat umur, menjimatkan masa, serta memberi peluang kepada murid untuk menerokai maklumat daripada pelbagai sumber. Guru menguruskan bahan yang diperolehinya daripada pelbagai sumber untuk dikongsikan kepada orang lain seperti MyLink, Google Drive dan Google Site, Guru menggunakan alat-alat berfikir seperti peta I-Think dan peta minda dengan berbantuan komputer supaya membantu murid menjana KBAT melalui penyediaan seperti Google Form, Quiziz, Wordwall dan Kahoot.
<i>Integrate</i> (Integrasi/ Penyatuan)	Mentafsir dan mewakili maklumat dengan menggunakan peralatan digital untuk mensintesis, meringkaskan, membanding beza maklumat daripada pelbagai sumber dan membuat keputusan.	Guru menggunakan persekitaran digital yang pelbagai seperti Microsoft Word, Power Point, Excel, Canva, Jamboard, dan rakaman audio/ video bagi melaksanakan penerangan dalam PdPc.
<i>Create</i> (Cipta)	Menyesuaikan, menggunakan, merancang atau membina maklumat dalam persekitaran digital seperti mengedit maklumat, membuat persembahan paparan maklumat bagi memberi penjelasan topik yang difokuskan	Guru menyebarkan bahan pembelajaran kepada orang lain termasuklah guru dan murid dalam kumpulan tertentu seperti WhatsApp, Telegram, laman Facebook dan YouTube.
<i>Communicate</i> (Komunikasi)	Menyebarkan maklumat yang bersesuaian kepada orang lain dalam bentuk digital agar dimanfaatkan kepada kumpulan sasaran, persembahan yang ringkas, mengatur dan memenuhi kepelbagaian orang lain.	

Sumber: Diubah suai daripada [Ali dan Katz \(2010\)](#).

## 2.4. Perspektif Teori

### 2.4.1. Kompetensi Guru

Untuk melahirkan guru yang kompeten, guru perlu memiliki standard profesionalisme keguruan seperti yang digariskan dalam Standard Guru Malaysia iaitu amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Menurut [Feralys \(2015\)](#) menyatakan bahawa kompetensi guru merupakan perkara yang melibatkan kemahiran, pedagogi, keperibadian (nilai), sosial dan profesional untuk menghasilkan pembelajaran yang berkualiti.


Dalam pelaksanaan pembelajaran abad ke-21, para pendidik semestinya mempersiapkan dirinya dengan kemahiran, pengetahuan dan sikap ke arah tersebut. Oleh yang demikian, pengajaran seni bahasa juga diperlukan bersama kompetensi guru tersebut untuk merealisasikan pembelajaran yang bermakna. Perkara ini dijelaskan melalui kajian yang dijalankan oleh [Sofiana \(2020\)](#) yang menyatakan bahawa guru

Bahasa Melayu berupaya mengaplikasikan pengetahuan sewaktu pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang dijalankan. Perkara ini amat selari dalam teori konstruktivisme kerana ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang itu adalah membolehkannya mengadaptasi dirinya dengan persekitarannya.

Para guru perlu memiliki kemahiran seni bahasa yang sebaiknya supaya dapat mempengaruhi strategi pengajaran yang berkesan melalui perancangan dan pengurusan yang sistematik apabila guru menguasai kemahiran elemen unsur penceritaan dan asas seni bahasa. Menurut [Rozani \(2017\)](#) peningkatan kompetensi guru yang menyediakan pengajaran yang terancang, mendorong pelibatan murid secara aktif penguasaan kemahiran terhadap elemen unsur penceritaan dan asas seni bahasa. Aspek sikap juga merupakan perkara yang diambil kira bagi melaksanakan KBAT dalam aspek seni Bahasa. Menurut [Nur Shahirah dan Zamri \(2021\)](#), menyatakan bahawa sikap guru dalam pelaksanaan KBAT bagi pengajaran KOMSAS di sekolah menengah adalah tinggi. Hal ini membuktikan bahawa guru telah melaksanakan persediaan yang rapi sebelum memulakan PdPc agar memastikan PdPc dilaksanakan dengan lancar.

Berdasarkan model Iceberg oleh [McBer \(1996\)](#) dalam [Rajah 2](#) menyatakan bahawa terdapat tiga komponen kompetensi guru yang utama dalam kalangan guru iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap. Pengetahuan guru merujuk kepada maklumat dan pengetahuannya dalam meningkatkan untuk memperbaiki prestasi diri. Komponen kemahiran pula merujuk kepada kebolehan guru menggunakan pengetahuan yang dimiliki dalam melaksanakan sesuatu tugas dengan cemerlang bagi mencapai objektif yang ditetapkan oleh sesebuah organisasi. Sikap pula merujuk kepada nilai-nilai peribadi dan perlakuan atau tindakan yang perlu dihayati dan dipraktikkan dalam tugas yang dipikul untuk mencapai kecemerlangan diri.

Rajah 2: Model Kompetensi *Iceberg*




Sumber: [McBer \(1996\)](#)

### 2.4.2. Pendekatan Konstruktivisme

Teori konstruktivisme ini berkait rapat dengan perkembangan kognitif seseorang individu. Ia melibatkan beberapa tokoh yang mengkaji perkembangan kognitif individu. Lev Vygotsky dan Piaget merupakan tokoh yang melihat perkembangan kognitif dari pelbagai aspek dan mempunyai persamaan dan perbezaannya. Menurut [Choi et al. \(2020\)](#) menyatakan bahawa Piaget menekankan proses asimilasi dan adaptasi untuk keseimbangan berfikir melalui cara memperbaharu skema yang sedia ada disimpan dalam pengetahuan seseorang untuk membangunkan struktur kognitif baharu tersebut melalui penyesuaian dirinya dalam dunia sebenar. [Vygotsky \(1978\)](#) pula menyatakan bahawa kanak-kanak merupakan insan yang aktif dan pengetahuan mereka dibentuk melalui interaksi sosial dan budaya yang memerlukan bantuan daripada orang lain (*scaffolding*). Oleh yang demikian, kedua-dua teori tersebut mempunyai hubungan positif dalam perkembangan kognitif individu.

Menurut [Vygotsky \(1978\)](#) dalam [Rajah 3](#) menjelaskan bahawa Zon Perkembangan Terdekat (ZPD) merupakan di antara kawasan zon atas yang merupakan kawasan bagi tahap seseorang berupaya menyelesaikan masalah secara berdikari dengan zon bawah yang merupakan kawasan bagi seseorang untuk menyelesaikan masalah melalui bimbingan daripada rakan sebaya yang lebih mahir. Impaknya, murid yang lemah dalam melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan oleh guru dapat diselesaikan secara kolaboratif. Kenyataan tersebut disokong oleh [Roosevelt \(2008\)](#), [Zamri \(2012\)](#) serta [Aliza dan Zamri \(2016\)](#) iaitu matlamat utama bagi perspektif aliran Vygotsky yang menepati kajian teori konstruktivisme dalam dunia pendidikan adalah menggalakkan pembelajaran yang menarik dan bermakna serta memerlukan kerjasama antara satu sama lain bersama-sama rakan sebaya mahupun dengan guru kerana penyelesaian tugas lebih sukar sekiranya dilakukan secara sendirian. Oleh yang demikian, perkembangan kognitif kanak-kanak akan dibentuk melalui pelibatan orang lain bagi mengukuhkan pembelajarannya.

Rajah 3 : Teori Perkembangan Terdekat (ZPD)



Sumber: [Vygotsky \(1978\)](#)

Konstruktivisme merupakan pendekatan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang mempunyai perkaitan dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Pendekatan ini membantu para murid untuk membentuk pengetahuan baharu berlandaskan pengetahuan sedia ada dalam diri mereka. Pengetahuan sedia ada ini wujud sewaktu mereka menjalani kehidupan seharian sama ada melalui pemerhatian, pembacaan dan interaksi sosial bersama dengan orang yang berada di sekeliling. Menurut [Hendri \(2018\)](#) menyatakan bahawa konstruktivisme merupakan proses perkembangan kognitif yang menekankan bahawa pembangunan mengenai tahap pemahaman mereka terhadap perkara yang sebenar. Menurut [Nurfatimah \(2019\)](#) pula menyatakan bahawa pengetahuan tidak diperoleh oleh seseorang melainkan pengetahuannya dibentuk berdasarkan pengalaman sedia ada. [Jadual 4](#) menunjukkan langkah-langkah *scaffolding* yang boleh diterapkan dalam pengajaran guru.

Jadual 4: Langkah-langkah pelaksanaan *scaffolding* dalam pembelajaran dan pemudahcaraan

Bil.	Strategi
1.	Gunakan <i>scaffolding</i> pada masa berikut: Semasa awal pembelajaran, gunakan <i>scaffolding</i> bersama dengan pelbagai contoh untuk menerangkan proses berfikir yang berlaku. Gunakan <i>scaffolding</i> apabila diperlukan dengan memeriksa pemahaman murid terlebih dahulu. Apabila perlu, berikan contoh dan penjelasan tambahan. Gunakan <i>scaffolding</i> untuk membina kekuatan dan menampung kelemahan murid.
2.	Penyediaan perwakilan berstruktur dan tugas perbincangan untuk berfikir Mewakili dan menyusun permasalahan secara bentuk visual yang jelas (konkrit) seperti lukisan, jadual dan peta minda. Menunjukkan cara untuk merungkai masalah kepada langkah-langkah yang mudah dengan menggunakan beberapa contoh dan menggalakkan murid untuk memberikan cadangan contoh tambahan. Membincangkan contoh-contoh masalah dan penyelesaiannya, menerangkan masalah utama dengan terperinci dan mengaitkan penyelesaian masalah dengan masalah sebenar agar dapat mengurangkan keperluan murid dalam bantuan guru.
3.	Pemberian peluang untuk melatih murid meyelesaikan Menyediakan latihan yang diarahkan oleh guru sebelum latihan bebas, menyemak kemajuan yang dilakukan oleh murid dengan segera dan memberikan maklum balas yang pendek iaitu kurang daripada 30 saat bagi mana-mana permintaan untuk bantuan. Berikan tugas kerja rumah yang pendek dan secara kerap iaitu lanjutan daripada tugas di bilik darjah (tidak lebih daripada 20 minit untuk murid) Mengaitkan amalan dalam konteks situasi kehidupan yang sebenar.

Sumber: [Kauchak dan Eggen \(1998\)](#)

### 3. Dapatan Kajian

#### 3.1. Ciri-ciri pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran aspek seni bahasa.

Berdasarkan penelitian artikel-artikel kajian penyelidik yang lain, terdapat beberapa ciri-ciri pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran seni bahasa. Antaranya seperti berikut:

##### 3.1.1. *Scaffolding*

Bimbingan daripada rakan sebaya yang lebih mahir merupakan aspek yang terpenting dalam pengimplementasian KBAT seni bahasa. Menurut [Vygotsky \(1978\)](#) menjelaskan bahawa Zon Perkembangan Proksimal berada di antara jarak tahap perkembangan sebenar yang merupakan tahap penyelesaian sendiri dengan tahap perkembangan potensi yang merupakan tahap bimbingan individu bersama orang yang lebih dewasa atau melalui kolaborasi dengan bimbingan rakan sebaya yang berkebolehan. Melalui bimbingan tersebut, murid-murid dapat menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru. Perkara ini disokong oleh [Zurainu dan Abdull Sukor \(2012\)](#) iaitu min pencapaian pelajar dalam kumpulan eksperimen adalah tinggi berbanding kumpulan kawalan dalam ujian pos pencapaian KOMSAS serta [Abdul Jalil dan Bahtiar \(2005\)](#) yang menyatakan bahawa pembelajaran konstruktivisme membantu para murid menulis karangan berpandu secara berkesan kerana adanya bimbingan bersama ahli kumpulan.

Penyelesaian masalah bersama rakan-rakan sebaya tersebut dapat melahirkan murid yang kritis dan kreatif. Namun begitu, kenyataan ini bercanggah dengan dapatan kajian oleh [Mat Isa dan Mahamod \(2021\)](#) yang menyatakan bahawa penghalang bagi penjanaan idea yang kreatif dalam kalangan pelajar adalah disebabkan oleh rakan sebaya. Oleh itu, guru perlu menetapkan ahli kumpulan yang seimbang dari aspek tahap pencapaian akademik mereka serta pemberian ganjaran supaya tugas yang diberikan oleh guru dapat diselesaikan bersama-sama.

### 3.1.2. Sumber bahan

Penggunaan sumber bahan merupakan aspek yang terpenting bagi pemupukan amalan KBAT dalam PdPc seni bahasa. Sumber bahan yang digunakan seharusnya disesuaikan oleh guru dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh murid. Perkara ini bertentangan dengan dapatan kajian oleh [Mat Isa dan Mahamod \(2021\)](#) iaitu terdapat guru yang menghadapi masalah kekurangan sumber rujukan dalam penerapan KBAT sewaktu PdPc dilaksanakan. Oleh itu, perkara ini menjadi penyumbang kepada masalah penerapan KBAT tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dalam PdPc yang dilaksanakan.

Kepesatan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa kini telah mengubah landskap PdPc. Bagi mengatasi masalah guru terhadap kekurangan sumber bahan rujukan tersebut, guru perlu memanfaatkan sumber multimedia tersebut untuk PdPc yang lebih bermakna. Berdasarkan [Nur Farahkhanna et al. \(2021\)](#) menjelaskan bahawa sebanyak 73.3% responden menyatakan terhadap penggunaan bahan multimedia dalam pembelajaran abad ke-21 ini, mampu meningkatkan kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran yang diajar oleh guru. Menurut [Mayer \(2009\)](#) telah menyatakan bahawa pengetahuan para pelajar dapat dibina berdasarkan maklumat-maklumat yang telah dipersembahkan melalui penggunaan multimedia dalam PdPc kerana ia merupakan alat kognitif.

Pendidikan masa kini yang sungguh mencabar iaitu memerlukan penguasaan ilmu TMK dalam kalangan guru perlu diberi perhatian sejak negara dilanda pandemik COVID-19. Hal ini kerana guru perlu memanfaatkan media sosial sebagai sumber bahan perkongsian ilmu kepada murid-murid agar bimbingan dan sokongan pembelajaran murid-murid semasa pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPR) dapat diteruskan. Menurut kajian yang dijalankan oleh [Al Zboun et al. \(2018\)](#) menyatakan bahawa media sosial seperti YouTube dan Facebook memberi kesan yang positif dalam aktiviti pembelajaran dan memotivasikan mereka untuk belajar. Paparan grafik berwarna-warni dan gabungan multimedia dalam YouTube turut menarik minat murid untuk belajar ([Purnamasari & Hafnita, 2019](#); [Nor Shahila & Fariza, 2021](#)).

### 3.1.3. Penggunaan Peta I-Think

Berdasarkan penelitian kajian lepas, penggunaan alat berfikir amat membantu para guru yang mengajar seni bahasa di sekolah. Penggunaan alat berfikir seperti peta I-Think merupakan salah satu cara yang memudahkan murid-murid untuk memahami pembelajaran. Perkara ini disokong oleh [Abdul Rasid et al. \(2017\)](#) yang menyatakan bahawa penggunaan peta pemikiran I-Think yang dapat meningkatkan pemahaman murid dalam pembelajaran KOMSAS. Namun begitu, perkara ini mempunyai sedikit kekurangan keberkesannya kerana tahap pemahaman murid yang berbeza-beza antara satu sama lain. Kenyataan ini disokong oleh [Zarina dan Wan Muna \(2021\)](#) yang menyatakan bahawa sebanyak 85% keberkesanan dalam penggunaan peta I-think bagi pengajaran Bahasa Melayu. Perkara ini disebabkan oleh wujudnya batasan tahap pemahaman murid itu sendiri. Oleh yang demikian pendekatan peta I-Think perlu disesuaikan mengikut situasi dan topik tertentu yang diajar.

### 3.1.4. Kolaborasi

Sebagai guru yang mengajar Bahasa Melayu perlulah menekankan budaya perkongsian ilmu sesama rakan sejawatnya agar pengetahuan dan kemahiran guru dapat ditingkatkan. Perkongsian ilmu tersebut boleh dilaksanakan secara bimbingan (*mentoring and coaching*), latihan dalam perkhidmatan (LADAP) dan Komuniti Pembelajaran Profesional (*Professional Learning Community*). Kenyataan ini amat dipersetujui oleh [Sofiana \(2020\)](#) yang menyatakan bahawa pendekatan konstruktivisme adalah melibatkan ilmu pengetahuan yang membolehkan seseorang mengubah suai dirinya dengan persekitaran. Menurutnya lagi, melalui kolaborasi antara rakan sejawat sememangnya amat bersesuaian untuk mengatasi masalah berdasarkan dapatan kajiannya juga iaitu ada antara guru yang sukar mengenal pasti pendekatan yang digunakan semasa pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Melayu dilaksanakan.

Selain itu, aspek kolaboratif dalam kalangan murid turut membantu pemahaman mereka dan penghasilan idea baharu dalam pendekatan konstruktivisme bagi pengajaran seni bahasa. Hal ini dapat melahirkan perasaan yang menyeronokkan dalam kalangan ahli kumpulan. Kenyataan ini disokong oleh [Rafiza \(2013\)](#) iaitu murid berasa minat dan bermotivasi, serta melahirkan murid yang menerapkan budaya berfikir secara kritis, kreatif, dan inovatif bagi memahami PdPc Komponen Sastera (KOMSAS) di sekolah melalui kolaborasi sesama ahli kumpulan murid.

Kolaborasi bersama-sama rakan kumpulan membolehkan pembelajaran bagi penyelesaian masalah secara berkumpulan. Kenyataan ini disokong oleh [Nur Rifiatul dan Muhammad \(2020\)](#) iaitu masyarakat belajar (*Learning Community*) boleh mewujudkan hasil pembelajaran yang diperoleh daripada kerjasama dengan orang lain dalam kalangan siswa. Hasilnya, para pelajar dapat berkolaborasi, berfikir kritis, sumbang saran serta berkomunikasi secara berkumpulan bagi menyelesaikan masalah.

Aspek kolaborasi merupakan salah satu perkara yang menjadi aspek pembelajaran abad ke-21. Perkara ini sudah menjadi keutamaan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) pada masa kini. Oleh itu, guru perlu mempunyai kemahiran yang mantap dalam pelaksanaan PdPc agar mewujudkan ruang kolaboratif dalam kalangan murid. Sekiranya penerapan kolaboratif ini tidak dilaksanakan oleh guru, maka kemahiran sosial dan lisan tidak dapat dibentuk bahkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) tidak berjaya

dipupuk dalam kalangan murid. Kenyataan ini disokong oleh [Agustini, Artini dan Padmadewi \(2019\)](#), guru kurang mengimplementasikan pendekatan konstruktivisme dan KBAT sepenuhnya kerana jarang menyediakan aktiviti kolaboratif yang menyebabkan para murid kurang mendapatkan peluang untuk memupuk kemahiran komunikasi dan sosial dalam kalangan mereka.

### 3.1.5. Kemahiran Bernilai Tambah

Kemahiran bernilai Tambah (KBT) merupakan aspek yang turut memainkan peranan utama dalam menjayakan keberkesanan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Perkara ini amat bersesuaian diterapkan dalam PdPc aspek seni bahasa oleh para guru. Hal ini selari dengan kenyataan yang dinyatakan oleh [Bahagian Pembangunan Kurikulum \(2011\)](#) iaitu penerapan Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) dalam Elemen Merentasi Kurikulum (EMK) mampu melahirkan murid yang kreatif dan inovasi di samping untuk mendapatkan data, maklumat serta pengetahuan. Menurut [Arniza dan Zamri \(2018\)](#) salah satu aspek KBT iaitu pembelajaran konstruktivisme hanya diserap dengan sedikit sahaja manakala aspek Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) tidak diserap oleh guru Bahasa Melayu di sekolah menengah semasa PdPc dilaksanakan. Berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh [Adenan dan Nazri \(2018\)](#) yang menyatakan bahawa hubungan antara kebolehan pendekatan konstruktivisme dalam KBT adalah positif dengan pembelajaran terarah sendiri kerana guru telah menerapkan pendekatan konstruktivisme dalam PdPc yang dilaksanakannya bagi penulisan karangan. Oleh itu, eloklah para pengkaji akan datang merangka pendekatan konstruktivisme dalam aspek seni bahasa di sekolah rendah pula dengan mengambil kira aspek penerapan TMK dalam PdPc.

### 3.1.6. Pembelajaran Teradun

Penggunaan Internet pada masa kini sudah menjadi kemestian dalam pembelajaran di rumah (PdPR) sejak negara dilanda oleh wabak COVID-19. Oleh itu, pengajaran secara bersemuka berserta dengan pengajaran secara dalam talian sudah menjadi salah satu pendekatan pengajaran yang boleh dilaksanakan oleh para guru. Kenyataan ini disokong oleh [Woodall \(2010\)](#) menjelaskan bahawa dalam pembelajaran teradun terdiri daripada gabungan pendekatan iaitu pengajaran secara bersemuka yang berlaku secara langsung dan pengajaran secara maya. Oleh demikian, para guru perlu memikirkan penggunaan media pengajaran secara teradun secara berkesan.

Menurut [Manjot \(2013\)](#) berdasarkan daripada *E-Learning Resources* (2012) yang menyatakan bahawa dalam pengajaran pembelajaran secara teradun ini tidak terhad kepada penggunaan teknologi semata-mata, namun ia boleh berbentuk seperti pengajaran secara dalam talian, bahan sokongan, bilik darjah tradisional seperti makmal yang melibatkan aktiviti secara *hands-on* dan tugas pembacaan serta penggunaan CD ROM. Kepelbagaian media dalam pembelajaran teradun mampu mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan dalam kalangan murid. Kenyataan ini disokong oleh [Khaliza dan Norazrena \(2020\)](#) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa kesan pembelajaran teradun ini dapat mendorong murid untuk belajar dan menarik perhatian mereka untuk melibatkan diri secara aktif.

### 3.1.7. Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual merupakan salah satu cara pembelajaran yang dapat membina dan mengembangkan pengetahuan secara kritis dan kreatif berdasarkan pengalaman yang dimiliki. Menurut [Isniarni \(2018\)](#) menyatakan bahawa penghasilan penulisan puisi seperti pantun dan syair dapat dibentuk melalui Model Pembelajaran *Contextual Teaching and Learning* (CTL) kerana dapat memupuk sikap yang positif, nilai serta kreativiti para pelajar yang berkaitan dalam kehidupan seharian mereka melalui interaksi sosial bersama dengan rakan-rakannya.

Oleh demikian, para pelajar dapat meneroka dan merasai sesuatu pembelajaran tersebut. Seseorang itu dapat mengaitkan sesuatu situasi dan permasalahan hidup dalam sesebuah keluarga dan masyarakat terhadap pembelajaran di sekolahnya kerana selari dengan falsafah konstruktivisme iaitu pembelajaran tidak semata-mata menghafal teori bahkan membina pengetahuan baharu melalui pelbagai pengalaman hidup seharian ([Tri, Hakiman & Aminudin, 2021](#)). Kenyataan ini disokong oleh [Suhardianingsih \(2016\)](#) yang menjelaskan bahawa pembelajaran kontekstual berasaskan masalah mampu meningkatkan pemahaman pelajar dalam aktiviti pembelajaran menulis pantun. Kesannya, para pelajar lebih bermotivasi untuk belajar.

### 3.1.8. Berpusatkan Murid

Dalam pembelajaran konstruktivisme yang dilaksanakan oleh guru, guru turut berperanan sebagai fasilitator kepada para murid. Pada masa yang sama, guru turut berkongsi kuasa dengan para murid agar membentuk pembelajaran secara aktif dan mereka akan lebih bertanggungjawab. Menurut [Rohani et al. \(2017\)](#) berdasarkan kajiannya telah menyatakan bahawa kuasa autonomi yang diberikan oleh guru kepada para murid melalui aktiviti debat yang dijalankan terhadap murid telah memberikan motivasi kepada murid untuk belajar secara aktif dalam PdPc. Namun begitu, kuasa autonomi yang diberikan oleh guru kepada para murid bukannya guru tersebut melepaskan tanggungjawab sepenuhnya sebagai pendidik tetapi sokongan dan bimbingan daripada guru turut diperlukan oleh murid. Kenyataan ini dipersetujui oleh [Williams dan Williams \(2011\)](#), yang menyatakan bahawa sesuatu perkara yang dilakukan oleh seseorang atas pilihan diri sendirinya berbanding disuruh akan memberi kesan positif kepada dirinya untuk lebih bermotivasi.

Selain itu, pendekatan konstruktivisme dalam pembelajaran di dalam kelas berupaya membentuk pembelajaran berpusatkan murid iaitu mendorong para murid untuk bergiat secara aktif dalam pelaksanaan PdPc yang dijalankan oleh guru. Perkara ini dinyatakan dalam kajian oleh [Tengku, Fatimah, Yusmini dan Madiha \(2017\)](#), melalui pendekatan konstruktivisme yang dijalankan, pihak guru telah membentuk beberapa buah kumpulan untuk menggalakkan pembelajaran aktif dalam kalangan murid selari dengan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21). Oleh yang demikian, mereka dapat mengaplikasikan ilmu yang sedia ada untuk menjana idea baharu semasa tugas diberikan kepada murid.

### 3.1.9. Pentaksiran

Pentaksiran merujuk kepada pengujian yang dilakukan oleh seseorang untuk mendapatkan perkembangan dan penguasaan murid dalam pelajarannya melalui pelbagai kaedah. Pentaksiran mampu membantu guru membuat penilaian keberkesanan




PdPc, menambah baik PdP dan merancang aktiviti Tindakan susulan iaitu pengayaan dan pemulihan melalui intervensi. Menurut [Kementerian Pendidikan Malaysia \(2013\)](#), pentaksiran perlu mempunyai item KBAT iaitu menggunakan stimulus untuk memudahkan murid merangsang bagi penaakulan secara kritis, mestilah item tidak berulang iaitu item penyoalan dan penggunaan bahan yang berbeza-beza, berkaitan dengan situasi sebenar dalam kehidupan harian agar murid dapat menyelesaikan sesuatu masalah kehidupan sebenar melalui adaptasi pelbagai disiplin ilmu, mengandungi konteks bukan lazim iaitu menggunakan situasi baharu di luar bilik darjah supaya murid berfikir secara mendalam dan mempunyai pelbagai tahap aras pemikiran dengan mempelbagaikan kata tugas untuk mentaksir pelbagai aras pemikiran dalam domain kognitif.

### 3.2. Perkaitan kompetensi guru bagi pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui pendekatan konstruktivisme dalam aspek seni bahasa.

Berdasarkan penelitian yang dilaksanakan oleh penyelidik daripada artikel yang dikaji, dapatlah dibentuk sebuah kerangka konseptual yang menghubungkan beberapa perkara yang melibatkan kompetensi guru bagi pendekatan konstruktivisme dalam aspek seni bahasa. Oleh itu, [Rajah 4](#) di bawah menunjukkan hubungan ketiga-tiga elemen kompetensi guru bagi penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui pendekatan konstruktivisme dalam aspek seni bahasa.

Rajah 4: Hubungan Kompetensi Guru bagi Penerapan KBAT melalui Pendekatan Konstruktivisme dalam Seni Bahasa



Berdasarkan [Rajah 4](#) di atas tadi, terdapat tiga perkara yang terkandung dalam kompetensi guru iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap seperti yang dinyatakan dalam teori Iceberg oleh [McBer \(1996\)](#). Berdasarkan hasil penelitian daripada artikel yang dianalisis oleh penyelidik, penerapan KBAT melalui pendekatan konstruktivisme dalam aspek seni bahasa merangkumi beberapa perkara. Antaranya melibatkan perkara utama dalam pendekatan konstruktivisme yang menekankan aspek *scaffolding*. Kemudiannya disokong oleh beberapa ciri konstruktivisme seperti sumber bahan, peta I-Think, kolaborasi, kemahiran bernilai tambah (KBT), pembelajaran teradun, berpusatkan murid dan kontekstual. Bagi memastikan pengajaran KBAT dalam aspek seni bahasa melalui pendekatan konstruktivisme ini berkesan, para guru perlu memiliki dan menguasai literasi Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) dengan sebaiknya. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa gabungan antara kedua-dua teori iaitu teori kompetensi dan teori konstruktivisme ini telah membentuk sebuah pendekatan pengajaran KBAT dalam aspek seni bahasa yang boleh dilaksanakan oleh para guru Bahasa Melayu di sekolah rendah pada masa kini seiring perubahan norma baharu.

### **3.3. Keperluan literasi Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) bagi pengajaran seni bahasa semasa era pandemik COVID-19 dalam kalangan guru Bahasa Melayu.**

#### *3.3.1. Seni Bahasa dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)*

Elemen seni bahasa memang selari dengan kesusasteraan yang mendokong pembentukan nilai murni dan jati diri masyarakat sejak zaman dahulu hinggalah ke hari ini. Hal ini terbukti melalui kandungan puisi “Pemegang Bendera Penjulung Piala” oleh karya Azmi Yusoff dalam sastera Melayu telah menunjukkan jati diri iaitu lambang keperibadian bangsa ([Ani Omar, 2012](#)). Perkara ini turut dijelaskan oleh [Zurakintan dan Che Ibrahim \(2015\)](#) menyatakan bahawa dalam karya syair “Kelebihan Ilmu” hasil nukilan Za’ba telah menggambarkan bahawa pemikiran masyarakat Melayu telah menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan manusia. Hal ini jelaslah puisi syair mampu memberi kesedaran dan nasihat kepada masyarakat mengenai kepentingan menuntut ilmu, menghargai ilmu dan mengamalkan ilmu yang dimiliki dalam kehidupan seharian yang mampu mengangkat martabat sesebuah bangsa.

Oleh itu, sastera dalam pendidikan pada masa kini sudah mewujudkan perubahan landskap gaya penyampaian ilmu seni bahasa kepada para pelajar sejak negara dilanda wabak COVID-19. Penerapan elemen seni bahasa yang terkandung dalam sastera telah diubah suai mengikut perkembangan semasa iaitu disampaikan melalui TMK melalui medium platform yang bersesuaian. Menurut dapatan kajian yang dijalankan oleh [Chew \(2007\)](#) menjelaskan bahawa penyampaian karya melalui sastera siber mestilah meluas dan bukannya terhad dan sesuai kepada karya pendek seperti puisi dan cerpen semata-mata. Tambahan lagi, sastera siber amat dipersetujui dan disukai oleh pelajar kerana sastera siber adalah lebih menarik berbanding majalah sastera iaitu kandungan sastera siber terdiri daripada reka bentuk 3D iaitu teks, grafik dan audio. Perkara ini perlu diberi perhatian oleh guru Bahasa Melayu di sekolah untuk memanfaatkan penggunaan TMK sebagai saluran penyampaian bahan PdPc agar memberi sokongan dan bimbingan kepada para murid untuk mempelajari seni bahasa seiring dengan penerapan *scaffolding* dalam pendekatan konstruktivisme sewaktu pengajaran dan pembelajaran di rumah pada masa kini.

Perkara ini turut melihat persamaan hasil kajian yang dijalankan oleh [Lau, Kee, Khoo dan Lee \(2021\)](#) iaitu pembentangan hasil kerja murid yang aktif melalui pembelajaran

dalam talian turut diterapkan oleh guru Bahasa Melayu. Hal ini menggambarkan bahawa motivasi murid untuk mempelajari Bahasa Melayu adalah tinggi. Dapatan ini selari dengan teori pembelajaran konstruktivisme yang mementingkan pelibatan murid yang aktif. Kenyataan beliau agak bercanggah dengan dapatan kajian oleh Ugartini (2021) yang menyatakan bahawa terdapat kekangan yang disebabkan oleh sikap murid yang tidak melibatkan diri secara aktif dan tidak memberi tumpuan semasa pengajaran guru Bahasa Melayu biarpun pengetahuan dan kemahiran guru berada di tahap yang memuaskan dalam penggunaan TMK iaitu menggunakan *Google Meet*. Oleh itu, pihak guru perlu meningkatkan kemahiran penggunaan aplikasi *Google Meet* sebagai media pembelajaran secara dalam talian agar menggalakkan pelibatan murid secara aktif dan mewujudkan PdPc yang lebih menarik.

Seterusnya, sikap pelaksanaan pedagogi berteraskan digitalisasi dalam kalangan guru Bahasa Melayu perlu dipertingkatkan seiring perubahan norma baharu. Berdasarkan kajian Marzni et al. (2021) sikap guru Bahasa Melayu yang positif seperti bersedia mempelajari ilmu baharu dan memahirkan ilmu TMK, amat mempengaruhi psikososial semasa pelaksanaan PdPc kerana dapat meningkatkan hubungan yang positif dalam kalangan murid di dalam kelas.

#### 4. Perbincangan

Bagi pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui pembelajaran konstruktivisme dalam kalangan guru, mereka perlu memahami prinsip-prinsip pengajaran tersebut. Menurut Syahida (2015) menyatakan bahawa terdapat prinsip asas yang terdapat dalam pendekatan konstruktivisme iaitu pengetahuan dibina oleh murid, mereka perlu memiliki pengetahuan asas, pelibatan aspek sosial penting dalam pembinaan pengetahuan dan fasilitator diambil peranan oleh guru. Namun begitu, berdasarkan dapatan penyelidikan dalam artikel ini, prinsip pendekatan konstruktivisme perlu diperkukuh dalam kalangan guru melalui pembelajaran teradun, *scaffolding*, berpusatkan murid, sumber bahan, penggunaan peta I-Think, kontekstual, pentaksiran, kolaborasi dan Kemahiran Bernilai Tambah (KBT). Hal ini kerana, guru merupakan penggerak KBAT dalam PdPc yang dilaksanakan supaya objektif pembelajaran yang ditetapkan dan berkesan akan terlaksana.

Selain itu, pemilihan pendekatan guru dalam pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) memang penting bagi memastikan keberkesanan (PdPc) diajar kepada murid. Menurut Syahida (2015) menjelaskan bahawa pembentukan kefahaman mengenai sesuatu perkara yang baharu dapat membantu murid dalam PdPc melalui pendekatan konstruktivisme. Namun begitu, sekiranya tiada kesedaran dan pelaksanaannya oleh guru biarpun pengetahuan guru mengenai konstruktivisme adalah tinggi maka pembelajaran yang bermakna tidak dapat dibentuk. Kenyataan ini disokong oleh Agustini et al. (2019) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa nilai persepsi dan pengetahuan guru terhadap implementasi konsep konstruktivisme adalah tinggi tetapi pelaksanaan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran Bahasa Inggeris adalah rendah kerana guru tidak menyediakan ruang kepada murid untuk melaksanakan aktiviti kolaborasi yang menggalakkan murid untuk berbincang serta kurang menyediakan murid untuk melaksanakan komunikasi sosial dan kurang menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi.

Oleh itu, dapatan kajian ini amat membantu penyelidik akan datang untuk mengkaji aspek tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam pengimplementasian KBAT

bagi pembelajaran konstruktivisme bagi aspek seni bahasa yang terdapat dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 kerana perkara ini belum dikaji oleh penyelidik lain. Perkara ini disokong dalam kajian yang dilaksanakan oleh [Hasnah dan Jamaludin \(2017\)](#) yang menyatakan bahawa dapatan tahap kompetensi guru adalah berada di tahap yang tinggi dalam penerapan KBAT iaitu hanya melibatkan kemahiran bahasa iaitu kemahiran lisan, membaca dan tulisan yang dikajinya. Jelaslah bahawa tahap kompetensi guru dalam pengimplementasian KBAT bagi pengajaran seni bahasa di sekolah rendah masih kurang dikaji oleh mana-mana penyelidik. Perkara ini turut dilihat melalui kajian [Chew dan Shashipriya \(2014\)](#) iaitu teknik penyoalan yang tidak berkesan menyebabkan penguasaan murid dalam pengajaran Komponen Sastera (KOMSAS) di sekolah menengah menjadikan mereka lambat berfikir untuk menyelesaikan masalah. Oleh itu, penyelidik berharap agar para guru dapat menerapkan KBAT dalam pengajaran aspek seni bahasa di sekolah rendah bagi memberi peluang kepada murid untuk meneroka keindahan bahasa dengan lebih berkesan.

Akhir sekali, kompetensi guru perlu sejajar dengan perubahan semasa yang berlaku di negara kita. Menurut [Henderson \(2017\)](#) menyatakan bahawa pembelajaran aktif yang melibatkan murid bekerja dalam kumpulan dan berkomunikasi melalui peranti komputer untuk menyelesaikan tugas adalah selari dengan perkembangan teknologi yang kian pesat membangun. Oleh itu, guru juga perlu meningkatkan kemahiran penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) seiring perubahan pengajaran pada masa kini yang mencabar sejak seluruh negara termasuklah Malaysia yang dilanda pandemik COVID-19. Perkara ini perlu diberi perhatian oleh para guru yang mengajar aspek seni bahasa di sekolah rendah agar mewujudkan pembelajaran yang membantu perkembangan murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif dengan adanya perkongsian sumber bahan secara alam maya daripada guru. Menurut [Tamilmullai dan Salini \(2021\)](#) menjelaskan bahawa terdapat ramai guru yang kurang berkemahiran dalam penggunaan TMK kerana terdapat antara mereka yang kurang mahir dalam menyampaikan bahan pengajaran dan pembelajaran kepada murid. Perkara inilah yang perlu dititikberatkan oleh guru agar sokongan dan bimbingan daripadanya dalam PdPc dapat mewujudkan *scaffolding* yang bermakna khususnya kepada murid yang lemah dalam pelajaran. Sekurang-kurangnya, penggunaan bahan tersebut juga dapat memudahkan para ibu bapa atau penjaga untuk membimbing anak-anak di rumah dalam pelajaran.

## 5. Kesimpulan

Artikel ini sangat memberikan manfaat kepada penyelidikan pada masa akan datang untuk mengkaji sejauh mana pengetahuan, sikap dan kemahiran guru mengimplementasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam aspek seni bahasa. Hal ini kerana kompetensi tersebut perlu dikaji agar dapat memberi kesedaran kepada guru Bahasa Melayu khususnya di sekolah rendah untuk melaksanakan pendekatan konstruktivisme. Biarpun secara konseptualnya amalan KBAT seni bahasa ini sudah dijelaskan melalui artikel ini, namun gurulah insan yang perlu mencorakkan pendekatan konstruktivisme yang berteraskan KBAT dalam pengajaran seni bahasa.

Selain itu, penulisan artikel ini adalah untuk membantu para pendidik untuk melaksanakan pendekatan terbaik melalui konstruktivisme dalam seni bahasa. Hal ini kerana, penyampaian ilmu seni bahasa bukan sahaja dilaksanakan secara didik hibur malahan perlu diterapkan dengan KBAT agar para murid dapat menyelesaikan tugas secara berkumpulan sewaktu pembelajaran secara bersemuka di sekolah mahupun

secara bimbingan dengan guru mahupun ibu bapa atau penjaga sewaktu pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dilaksanakan sewaktu pandemik COVID-19 melanda di negara kita. Hal ini dapat mewujudkan pembelajaran yang bermakna. Melalui pendekatan konstruktivisme ini, pengetahuan baharu dapat dibina oleh murid supaya mereka dapat menjana idea yang autentik. Oleh itu, pemupukan KBAT melalui pendekatan konstruktivisme amat perlu dilaksanakan oleh guru dalam PdPc Bahasa Melayu bagi aspek seni bahasa untuk dilaksanakan agar menjadikan para murid lebih kritis, kreatif, dan berinovasi.

Akhir kata, penerapan sokongan dan bimbingan daripada seseorang yang lebih mahir dalam sesuatu perkara yang dilaksanakan dan diselesaikan. Sokongan dan bimbingan inilah yang dikenali sebagai perancah (*scaffolding*) tersebut mampu mewujudkan pengajaran yang berkesan dalam kalangan guru. Melalui proses perancah yang dilaksanakan bersama-sama dalam kumpulan guru, mereka dapat merancang strategi, menyumbang idea serta mengaplikasikan kemahiran KBAT kepada para murid. Oleh yang demikian, aspek seni bahasa dapat diajar dengan lebih menyeronokkan dan memotivasikan diri murid-murid melalui bimbingan serta kerjasama sesama ahli kumpulannya.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Sekalung apresiasi kepada penyelia dan rakan seperjuangan saya yang memberikan kerjasama untuk menghasilkan artikel ini demi meningkatkan profesionalisme keguruan dalam kalangan guru Bahasa Melayu di negara ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penulisan artikel ini adalah menggunakan sumber kewangan sendiri oleh penyelidik.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)**

Pihak penyelidik tidak mempunyai konflik kepentingan dalam penulisan artikel ini.

### **Rujukan**

- Abdul Jalil Othman & Bahtiar Omar. (2005). Aplikasi pembelajaran secara konstruktivisme dalam pengajaran karangan berpandu. *Makalah Pendidikan*, 4, 6-8.
- Adenan Ayob & Nazri Abu Bakar. (2018). Interpretasi hubungan pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehcapaian kognitif berasaskan fahaman konstruktivis. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(10), 75-87.
- Ali, R., & Katz, I. R. (2010). *Information and Communication Technology Literacy: What Do Businesses Expect and What Do Business Schools Teach?*. Princeton: Educational Testing Service.
- Aliza Ali & Zamri Mahmood. (2016). Pembangunan dan kebolehgunaan modul berasaskan bermain bagi pembelajaran kemahiran bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 16-29.

- Ani Omar. (2012). Nukilan sajak merdeka dalam membangunkan bahasa, sastera dan budaya bangsa melalui pengajian kesusasteraan Melayu. *Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*, 3, 194-213.
- Al Zboun, M. S., Ghammaz, S. A. D. Al & Al Zboon, M. S. (2018). The impact of the use of youtube and facebook on students' academic achievement in geography course at the university of Jordan for the bachelor's degree. *Modern Applied Science*, 12(3), 164.
- Arniza Mokhtar & Zamri Mahamod (2018). Jenis-jenis penyerapan kemahiran bernilai tambah dalam pengajaran guru bahasa Melayu berdasarkan tajuk pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 22-32.
- Agustini, N.W.W., Artini, L.P. & Padmadewi, N.N. (2019). English teachers' perceptions and classroom practices on constructivism values in primary schools in badung regency. *Jurnal Pendidikan Bahasa Inggris Indonesia*, 7(2)
- Abdul Rasid Jamian, Martini Misdon & Azhar Md. Sabil. (2017). Penggunaan peta pemikiran i-think dalam pemahaman komsas bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 51-59.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2011). *Teknologi maklumat dan komunikasi merentasi kurikulum*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Kemahiran berfikir aras tinggi*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Byerly, G., & Brodie, C. (1999). *Information literacy skills models: Defining the choices learning and Libraries in an Information Age: Principles and Practice*. Stripling, BK Englewood.
- Chew, F. P. (2007). Isu-isu perkembangan sastera siber di Malaysia. *Jurnal Peradaban Melayu*, 1-21.
- Chew, F. P., & Shashipriya Nadaraja. (2014). Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran komsas di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 10-24.
- Choi, C. H., Martinus Tukiran, Laksmi Mayesti Wijayanti, Masduki Asbari, Agus Purwanto, & Priyono Budi Santoso. (2020). Piaget versus vygotsky: Implikasi pendidikan antara persamaan dan perbezaan. *Journal Of Industrial Engineering & Management Research*, 1(2).
- Chung, M. H. C., & Jamaludin Badusah. (2010). Sikap guru bahasa Melayu terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ict) dalam pengajaran di sekolah-sekolah rendah di Bintulu, Sarawak. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 59-65.
- Feralys Novauli. M. (2015). Kompetensi guru dalam peningkatan prestasi belajar pada smp negeri dalam kota banda Aceh. *Jurnal Administrasi Pendidikan Pascasarjana Universitas Syiah Kuala*, 3(1), 45-67.
- Hasnah Isnong & Jamaludin Badusah. (2017). Kompetensi guru bahasa melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 56-65.
- Henderson, P. (2017). Computer science, problem solving, and discrete mathematics, (January), 333342. <https://doi.org/10.1090/dimacs/036/28>
- Hendri Purbo Waseso. (2018). Kurikulum 2013 dalam prespektif, teori pembelajaran dan konstruktivisme. *Jurnal Studi Pendidikan Islam*, 1(10).
- Horton, Jr. F. (2004). *Comments on International Guidelines on Information Literacy*. Washington, DC. 4
- Intan Nur Syuhada Hamzah & Zamri Mahamod. (2021). Strategi pengajaran dalam talian yang digunakan oleh guru bahasa Melayu dalam meningkatkan kemahiran membaca murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 54-67.

- Isniarni. (2018). Peningkatan keterampilan menulis pantun dan syair dengan model contextual teaching and learning siswa kelas v mi ma'arif candran godean. *Jurnal Al-Bidayah*, 10(1), 102-118.
- Kauchak, D. P., & Eggen, P. D. (1998). *Learning and teaching: Research-based methods (3rd ed.)*. Boston: Allyn and Bacon.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001a). *Pembelajaran secara konstruktivisme*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2001b). *Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pentaksiran kemahiran berfikir aras tinggi. Lembaga Peperiksaan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khaliza A. Wahid & Norazrena Abu Samah. (2020). Pembelajaran teradun berbantuan streaming video bagi meningkatkan pencapaian, minat dan persepsi pelajar dalam pembelajaran tajuk ruang. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 3(2), 61-79.
- Khairudin Mohamad, Wan Zaliha Wan Othman & Amanah Mohd. Nor. (2014). *Genre kesusasteraan Melayu dalam bahasa Melayu*. Penerbitan Multimedia
- Lau, F. Y. F., Kee, G. F., Khoo, P. L., & Lee H. S. (2021). Kaedah pengajaran dalam talian guru bahasa Melayu dan motivasi murid sekolah jenis kebangsaan cina sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(11). 57-74.
- Manjot Kaur. (2013). Blended learning - its challenges and future. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 93, 612 - 617
- Marzni Mohamed Mokhtar, Marni Jamil, Muhd Khaizer Omar & Roshafiza Hassan. (2021). Digitalisasi pedagogi bakal guru bahasa Melayu sebagai suatu anjakan pelaksanaan lmi dalam talian: pertimbangan terhadap aspek fizikal dan psikososial. *Jurnal Sains Insani*, 6(1), 210-216
- Mayer, R. E. (2009). *Multimedia learning*. New York: Cambridge University Press. Second Edition.
- Mat Isa, N. S., & Mahamod, Z. (2021). Tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru bahasa Melayu terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran komsas. *Asian People Journal*, 4(1), 93-107. <https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.1.255>
- McBer, H. (1996). *Scaled Competency Dictionary*. Boston: Hay/McBer
- Mohamad Nurul Azmi Mat Nor, Nurzatulshima Kamarudin, Umi Kalthom Abdul Manaf & Mohd Hazwan Mohd Puad. (2017). Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (kbat) dalam kurikulum reka bentuk dan teknologi sekolah rendah. *International Journal of Education and Training*, 3(2), 1-7.
- Mohd Rashid Md. Idris & Mahzir Ibrahim. (2014). Teori falsafah bahasa dalam standard kurikulum bahasa malaysia sekolah rendah. *Jurnal Peradaban Melayu*, 9, 63-83.
- Nor Amalina Ab Hakim & Zanaton Iksan. (2018). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru terhadap pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam mata pelajaran Sains. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2018)*, pp, 72-82. 5 Julai. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Norehan Mohd Nasir & Mahaliza Mansor. (2021). Cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (pdpr): suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(7), 416 - 421.
- Nor Shahila Ishak & Fariza Khalid. (2021). Penggunaan video youtube bagi meningkatkan minat dan pencapaian murid dalam pembelajaran geografi fizikal di

- sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(3), 228-240
- Norfariza Mohd Radzi & Nur Fadhillah Muzammil. (2018). Tahap kompetensi guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi di sekolah kebangsaan daerah sepang, selangor. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(4), 12-28.
- Neo, M., & Neo, T.K. (2004). Classroom innovation: Engaging students in interactive multimedia learning. *Campus Wide Information System*, 21(3), 118 -124. Diakses pada 15 Februari 2022 daripada laman sesawang <http://www.emeraldinsight.com>
- Noor Aini Ahmad. (2014). Mengintergrasi teknologi komunikasi dan maklumat sebagai media pengajaran bahasa dalam kalangan kanak-kanak awal umur. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 36-43.
- Nurfatimah Sugrah. (2019). Implementasi teori belajar konstruktivisme dalam pembelajaran sains. *Humanika, Kajian Ilmiah Mata Kuliah Umum*, 19(2), 121-138.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Nur Fatin Shamimi Che Ibrahim, Mohd Ra'in Shaari & Kesavan Nallaluthan. (2021). Persepsi pelajar terhadap aplikasi multimedia interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. *Online Journal for TVET Practitioners*, 6(1), 15-24.
- Nur Rifiatul Azisah & Muhammad Syukur. (2020). Strategi guru dalam penerapan pembelajaran kontekstual abad 21 di maddi takkalasi. *Jurnal Sosialisasi*, 7(3), 58-65.
- Nur Shahirah Mat Isa & Zamri Mahamod. (2021). Tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru bahasa melayu terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran komsas. *Asian People Journal*, 4(1), 93-107.
- Othman, S., & Jamian, A. (2013). Pelaksanaan elemen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa kurikulum standard sekolah rendah. *Jurnal Bahasa*, 13(2), 292-312.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. (2013). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Purnamasari, I. & Hafnita, S. D. (2019). The utilization of youtube media in learning antropology in higher education. *Journal of Physics: Conference Series*, 1387(1). doi:10.1088/1742-6596/1387/1/012120
- Rafiza Abdul Razak. (2013). Pembelajaran berasaskan penghasilan penceritaan digital multimedia bagi menganalisis novel bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 54-64
- Rahamat, R. (2013). *Pembangunan dan penilaian pakej pembelajaran mudah alih komsas dalam bahasa inggeris tingkatan empat*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rajendran Nagappan. (2000) Kesasteraan sebagai wahana mengajar kemahiran berfikir aras tinggi. *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pembangunan dalam Pendidikan 2000*, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad. (2017). Model bersepadu penerapan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 1-11.
- Roosevelt, F. D. (2008). Zone of proximal development. In N. J Salkind (Ed.), *Encyclopedia of Educational Psychology* (1017-1022). Thousands, Oaks, CA: SAGE, <https://sk.sagepub.com/reference/educationalpsychology/n282.xml>.
- Rozani Ahmad. (2017). Keupayaan menggunakan komsas sebagai kompetensi pengajaran guru bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 65-76.
- Sofiana Hassan. (2020). Tahap pengetahuan dan sikap guru bahasa Melayu daerah Sibul dalam mengaplikasikan kemahiran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 74-81.



- Suhardianingsih. (2016). Peningkatan pemahaman menulis pantun melalui metode kontekstual berbasis masalah. *Jurnal Praktik Penelitian Tindakan Kelas Pendidikan Dasar & Menengah*, 6(4), 31-28.
- Syahida Nadia Zakaria. (2015). Kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 12-21.
- Tamilmullai Thannimalai & Salini Baloh. (2021). Cabaran pdpr bahasa tamil di sekolah luar bandar. *Muallim Journal Social Science and Humanities*, 5(2), 183-190.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Fatimah Sahida Abdurajak, Yusmini Md Yusoff & Madiha Baharuddin Akademi. (2017). Pendekatan konstruktivisme di Malaysia dan brunei darussalam: satu tinjauan awal terhadap pengalaman guru pendidikan islam. *Journal of Islamic Educational Research*, 2(1), 23-35.
- Thulasimani Munohsamy. (2014). Integrasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan. *Journal IPA*, 23.
- Tri Era Khoiriyah, Hakiman & Aminudin. (2021). Pembelajaran pendidikan agama Islam kontekstual di sekolah dasar alam. *Jurnal Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah*, 4(1). 62-71.
- Ugartini Magesvaran. (2021). Tahap pengetahuan dan kekangan yang dihadapi oleh guru bahasa Melayu ketika menggunakan aplikasi google meet dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2). 39-53.
- Unit Perancang Ekonomi (n.d.). Rangka Tindakan (blueprint) Ekonomi Digital Malaysia. *MDEC* Diperoleh daripada <https://mdec.my/wp-content/uploads/Rangka-Tindakan-Blueprint-Ekonomi-Digital-Malaysia.pdf>
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Woodall, D. (2010). *Blended learning strategies: Selecting the best*. SSWP.;1; 1610.0810
- Williams, K. & Williams, C. (2011). Five key ingredients for improving student motivation. *Research in Higher Education Journal*, 104-122.
- Zaharah Hussin, Nurul Hasna Hassan, Saedah Siraj, Ahmad Arifin Sapar & Zawawi Ismail. (2019). Kemahiran berfikir kritis dalam buku teks bahasa Melayu kurikulum standard sekolah rendah tahap ii. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(1), 18-29
- Zulkifli Osman, Norziana Mat Rabi, Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan & Norfishah Mat Rabi2. (2020). Penerapan elemen kemahiran berfikir aras tinggi dalam buku teks bahasa Melayu tahun enam sekolah rendah. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics*, 10(2), 57 – 67.
- Zamri Mahamod. (2012). *Inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Zarina Abu Baker & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2021). Effectiveness of methods of use map i-think among senior english teacher in the national school district Seremban. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 32-43.
- Zurainu Mat Jasin & Abdull Sukor Shaari. (2012). Keberkesanan model konstruktivisme lima fasa needham dalam pengajaran komsas bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 79-92.
- Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran melayu tentang ilmu dan adab dalam puisi Melayu tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(2), 121 – 129.